

Awas degup jantung 'berombak'

Berita Harian (14/08/2021) M/S 37

Fibrilasi atrium bukan lagi penyakit orang tua, kini turut menyerang golongan muda

Oleh Luqman Arif Abdul Karim

luqman.arif@bh.com.my

Pernah rasa macam degup jantung sekejap kencang, sekejap perlahan tidak semena-mena? Lebih bingung apabila degupan bertukar seperti 'berombak'.

Apabila itu berlaku individu menganggap ia situasi sementara dan mungkin disebabkan keletihan, tekanan kerja, 'panas hati' atau kesan selepas bersenam.

Lantaran itu, ramai tidak sedar sebenarnya mereka berkemungkinan menghidap fibrilasi atrium (Afib) atau (AF), iaitu sejenis penyakit berpunca daripada degupan jantung tidak teratur, aritmia.

Perunding Elektrofisiologi dari Cardiac Vascular Sentral Kuala Lumpur (CVSKL), Datuk Dr Razali Omar, berkata


Katanya, berdasarkan statistik di negara rantau Asia seperti Korea Selatan, Taiwan dan Singapura kadar prevalen bagi Afib di Malaysia dianggarkan sekitar 1.5 peratus daripada keseluruhan 32.6 juta penduduk.

Bagaimanapun, perangkaan itu mungkin mengundang kebimbangan lebih serius sekiranya kadar prevalen 1.5 peratus hanya terpakai kepada kelompok masyarakat berumur lebih 40 tahun atau merujuk kepada golongan berusia.

Turut dideritai pesakit muda

Menelusuri sejarah, Afib sebenarnya dikesan berlaku dalam tubuh manusia sekurang-kurangnya 5,000 tahun lalu, berdasarkan bukti penemuan purba dari China.

Penemuan pada manuskrip maha-



data epidemiologi di Malaysia tidak mencatatkan prevalen khusus untuk Afib, tetapi perangkaan sedemikian direkodkan di negara jiran dan rantau Asia.

“**Di seluruh dunia, termasuk Malaysia, insiden atau prevalen Afib dilihat meningkat dengan sangat mendadak, tanpa diketahui punca di sebaliknya**”

Dr Razali Omar



... pada manakala memuatkan raja di republik itu, antara lain memuatkan sebaris ayat, iaitu 'jika nadi lemah dan tidak sekata, ia dikaitkan dengan kematian'.

“Secara tidak langsung, kita dapat tangkap kaitan antara nadi laju dan tidak teratur dengan risiko yang membawa kepada kematian.

“Seiring penemuan dunia perubahan, risiko Afib didapati berkadar 12 hingga 14 peratus pada usia 80 tahun, namun pola itu dikesan berubah dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini.

“Di seluruh dunia, termasuk Malaysia, insiden atau prevalen Afib dilihat meningkat dengan sangat mendadak, tanpa diketahui punca di sebaliknya. Lebih membimbangkan, kini memabitkan orang muda.

“Dulu, Afib biasanya memabitkan orang tua, sekarang pesakit berusia 40 hingga 50 tahun yang tanpa sebarang penyakit, sihat, pelari maraton, perenang, kayuh basikal, tetapi mengalami degupan jantung tidak teratur,”katanya.

Mengundang maut

Dr Razali berkata, sikap memandang enteng menganggap Afib 'penyakit orang tua' bakal mengundang risiko maut sekiranya individu tidak mendapat rawatan lanjut.

Hal ini kerana risiko kematian bagi penghidap Afib disebabkan dua perkara, iaitu strok dan kegagalan atau (serangan jantung.)

“Tanpa sedar, sebenarnya mereka sudah ada komplikasi sehingga tiba-tiba tumbang ketika berlari maraton walaupun masih muda.

“Bila buat ujian, tiada saluran jantung tersumbat, padahal jantung lemah kerana bertahun-tahun menahan degupan laju dan tidak teratur tanpa sedar, akhirnya tumbang disebabkan Afib.

“Jika dibiarkan, Afib menjejaskan kualiti hidup kerana boleh merosakkan fungsi ginjal dan organ penting dalam tubuh, berikutan oksigen dari jantung tidak sampai,” katanya.

Pembunuh senyap

Sekiranya diteliti, Dr Razali menjelaskan Afib turut dikenali sebagai 'pembunuh senyap' ini mempunyai kaitan dengan hipertensi sekiranya keadaan kesihatan tidak dikawal dengan baik.

Selain itu, tiga lagi faktor penyebab ialah kencing manis, obesiti atau kegemukan dan penyakit jantung seperti koronari, kegagalan atau serangan jantung.

Katanya, pemeriksaan terhadap corak degupan jantung perlu dilakukan kerana Afib hanya satu daripada pelbagai jenis debaran, selain atrial flutter, atrial tachycardia, supraventricular tachycardia dan ventricular tachycardia.

Seiring ledakan teknologi, gejala Afib kini berupaya dikesan menggunakan peranti tertentu seperti jam pintar dan alat pengesan yang dihubungkan kepada telefon bimbit.

“Kalau dulu, doktor akan pasang 'holter' bagi memantau corak degupan jantung, namun masalahnya ialah pesakit tidak boleh mandi kerana badan mereka penuh dengan wayar berselirat sehingga mengundang kegelatalan.

“Sekarang, seseorang itu tidak perlu ke hospital untuk menjalani pemeriksaan elektrokardiogram (ECG) bagi mengetahui gejala Afib dengan menggunakan kelebihan teknologi.

“Pilihan teknologi di pasaran ketika ini dapat memberikan bacaan sekurang-kurangnya satu hingga enam garis isoelektrik mampu mengesahkan mereka mengalami degupan jantung tidak teratur atau Afib.

“Selain itu, ada alat khusus untuk memeriksa tekanan darah yang menawarkan fungsi sama, dengan memberikan bacaan ARR (aritmia) atau AF,” katanya.

Ablasi frekuensi radio

Berbanding meletakkan kebergantungan kepada ubat pencair darah bagi membendung risiko strok, Dr Razali berpengalaman hampir 30 tahun dalam bidang elektrofisiologi, berkata perubahan moden kini mem-

▲ Ramai tidak sedar sebenarnya mereka berkemungkinan menghidap Afib. (Gambar hiasan)

punyai kaedah penyelesaian terbaharu.

Degupan tidak teratur berpunca daripada kecelaruan denyut elektrik dihasilkan sel pada jantung berupaya diselesaikan menerusi kaedah ablasi frekuensi radio atau krio.



Ablasi frekuensi radio menggunakan haba panas, manakala ablasi krio berasaskan kaedah pembekuan, namun kedua-duanya mempunyai matlamat sama, iaitu untuk memamatkan sel tertentu pada jantung yang dikesan menghasilkan kecelaruan denyut elektrik.

“Bukan semua pesakit sesuai untuk kaedah ablasi krio kerana ia hanya dikhususkan kepada mereka yang mengalami Afib secara 'on and off' (tidak mementu).

“Ablasi frekuensi radio diberikan kepada pesakit sudah lama menghidap Afib dan lebih rumit. Mengikut penelitian di CVSKL, 80 peratus pesakit Afib di sini dirawat menggunakan ablasi frekuensi radio, selebihnya, iaitu 20 peratus ialah ablasi krio.

“Kaedah terbaharu ini selamat, cepat dan mujarab. Hanya dengan dua jam prosedur, dua hari ditempatkan di hospital untuk tujuan pemantauan, kita dapat kembali menikmati kualiti hidup,” katanya.

Degup jantung normal



Fibrilasi atrium (Afib)

